

## **PERKHIDMATAN KAUNSELING DI MARA**

Dr. Salpiah Binti Suradi  
Johari Bin Md Salim

### **ABSTRAK**

*Majlis Amanah Rakyat (MARA) merupakan agensi terbesar bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Pembangunan Wilayah (KPLB) mengalas tiga tanggungjawab besar iaitu pendidikan, keusahawanan dan pelaburan. Peranan MARA menjadi tonggak memartabatkan golongan Bumiputra dalam bidang pendidikan ke persada dunia telah mengangkat profesion kaunselor sebagai profesion penting dalam melaksanakan misi 'Meneraju bidang keusahawanan, pendidikan dan pelaburan untuk penguasaan ekuiti Bumiputera'. Pada tahun 1972, Kertas Kerja penubuhan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) mencatatkan profesion kaunselor sebagai keperluan asas tenaga pengajar dalam institusi. MARA menjadi perintis dalam mewujudkan jawatan Kaunselor Sepenuh Masa untuk bertugas sebagai Guru Bimbingan dan Kaunseling pelajar di MRSM pada tahun 1981. Peranan kaunselor sebagai pelengkap kepada pembangunan modal yang seimbang daripada aspek jasmani, emosi, intelek dan insaniah. Bertitik-tolak dengan kesedaran ini, perkembangan kepentingan keperluan profesion kaunselor semakin meluas melibatkan pentadbiran staf dan perkembangan pelajar di Institusi Pendidikan MARA (IPMA) lain seperti Kolej MARA (KM), Kolej Profesional MARA (KPM), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm), Institut Kemahiran MARA (IKM), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Kolej Poly-Tech MARA (KPTM), KUPTM, German-Malaysian Institute (GMI), dan UniMARA. Peningkatan bilangan kaunselor telah memberikan inisiatif penubuhan Persatuan Kaunselor dan Psikologi MARA Malaysia (PEKAMARA) pada 8 Oktober 2009 bagi objektif dan impak yang lebih besar kepada organisasi dan negara.*

### **SEJARAH PERKHIDMATAN KAUNSELING DI MARA**

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling pertama di MARA dikenali sebagai *Counseling Services Unit* (CSU). CSU pada mulanya dianggotai oleh beberapa orang guru MRSM yang dilatih dengan kemahiran asas kaunseling bertanggungjawab membimbing pelajar dari aspek sahsiah dan perkembangan potensi diri. MRSM Seremban merupakan institusi pertama melaksanakan program ini pada tahun 1972. CSU pertama telah diketuai oleh Encik Tajuddin Shamsuddin merupakan seorang guru subjek Geografi.

Beliau seterusnya ditukar ke MRSM Kota Bahru sebagai pengetua dan CSU pun terbentuk. Seterusnya peranan CSU dikembangkan di MRSM baru seperti MRSM Kota Bharu (1973), MRSM Kuantan (1974), MRSM Kulim (1977) dan MRSM Kuala Terengganu (1978).

Guru pembimbing bagi CSU ketika ini terdiri daripada guru sedia ada di MRSM berkenaan dengan gelaran Guru Kaunselor. Mereka terdiri daripada guru yang mengajar subjek teras dan tidak mempunyai kelulusan dalam bidang kaunseling. Guru Kaunselor ini diberi kursus-kursus jangka pendek berkaitan asas kaunseling. Selepas 1979 beberapa guru kaunselor CSU telah diberi peluang berkursus dalam perkhidmatan untuk mengikuti kursus Sarjana Pengkhususan dalam bidang kaunseling di Amerika Syarikat dan universiti tempatan. Memandangkan perjawatan guru di MRSM melibatkan subjek pengkhususan bidang maka, peluang ini membolehkan mereka bertugas sebagai Kaunselor Sepenuh Masa dalam pos jawatan Guru Bimbingan dan Kaunseling.

Pada tahun 1980, terdapat 7 orang pelajar tajaan MARA yang telah dihantar ke Amerika Syarikat untuk menyambung pengajian sarjana muda dan sarjana dalam bidang kaunseling. Ini adalah kumpulan pertama pelajar ke luar negara dalam bidang kaunseling yang ditaja oleh MARA. Kemudian setelah mereka tamat pengajian pada tahun 1986, mereka dilantik sebagai guru kaunseling sepenuh masa dan ditempatkan bertugas di MRSM. MRSM menjadi sekolah pertama di Malaysia yang mengambil semua gurunya daripada dalam kalangan mereka yang berijazah (Zarina Begum, 2017). Justeru, perkembangan perkhidmatan kaunseling pelajar semakin meluas apabila Jawatan guru bimbingan kaunseling sepenuh masa mula wujud pada tahun 1981 bagi setiap MRSM. Oleh itu, guru-guru yang dilatih dalam CSU ini ditawarkan untuk menjadi sebagai guru bimbingan kaunseling di MRSM. Kebanyakan guru kaunseling yang dilantik ini menyambung pengajian dalam sarjana kaunseling di dalam dan luar negara .

Perkembangan CSU yang kemudiannya dikenali sebagai Unit Perkhidmatan Kaunseling (UPK) MRSM bermula dengan wujudnya jawatan Pegawai Pelajaran Kaunseling di Bahagian Pendidikan dan Latihan MARA (BLPM) di Ibu Pejabat pada tahun

1985. Pegawai pertama yang memegang jawatan tersebut ialah Puan Samsiah Yahya. Beliau pernah bertugas sebagai kaunselor pelajar sepenuh masa unit UPK MRSM Seremban pada tahun 1981. Sebelum itu, pada tahun 1977 hingga 1979 beliau merupakan guru kaunselor di MRSM Kulim sementara bertugas sebagai guru geografi. Beliau ialah salah seorang daripada 3 orang guru Kaunselor CSU yang telah diberi peluang untuk melanjutkan Pelajaran mengikuti kursus sarjana penghususan dalam bidang Kaunseling di Amerika Syarikat. Antara kaunselor perintis pegawai di UPK BPLM ialah Puan Suraya Mohd Zin, Encik Mustafar Che Mat dan Puan Latifah Ibrahim.

Seterusnya profesion kaunselor sepenuh masa berkembang di semua IPMA. Perkhidmatan kaunseling pelajar bukan sahaja berlaku di MRSM sahaja malah berkembang ke Insitutsi Pendidikan Tinggi MARA seperti Kolej MARA (KM) dan Institut Perdagangan MARA (IPM) yang kini dikenali sebagai Kolej Profesional MARA (KPM). KM dan KPM kemudiannya diletakkan dibawah Bahagian Pendidikan Tinggi (BPT) pada tahun 1999. Sementara itu, perkhidmatan kaunseling untuk staf MARA pula dimulakan pada tahun 2005 dengan kewujudan unit Kaunseling, Bahagian Sumber Manusia (BSM) selari dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan MARA Bil. 23/2005.

Skim perjawatan kaunselor di MRSM, KM dan KPM mengunapakai skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah dengan bermula gred DG 41 dan jawatan Guru Bimbingan. Sebahagian daripada kaunselor di KKTM dan IKM pula mengunapakai skim Pegawai Ekonomi gred E41. Manakala kaunselor di IPMA subsidiari MARA iaitu UniKL, KUPTM, KPTM dan GMI mengunapakai gred E1/E2/E3. Namun begitu, semua gred mempunyai kelayakan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Psikologi atau Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Bimbingan Kaunseling. Perkara yang membezakan jawatan berkenaan ialah kaunselor gred DG memerlukan mereka mempunyai Diploma Pendidikan sebagai pengesahan jawatan manakala kaunselor gred E dan S dan sebaliknya.

## PERKHIDMATAN KAUNSELING DI INSTITUSI PENDIDIKAN MARA

Profesion kaunselor bermula di MRSM dan seterusnya berkembang di pelbagai institusi pendidikan MARA yang lain. Memahami sejarah perkembangan institusi pendidikan sama penting bagi menjelaskan kronologi profesion kaunselor di agensi MARA. Perbincangan seterusnya mengulas peranan dan tugas kaunselor dalam pelbagai IPMA. Secara keseluruhan kaunselor di MARA diletakkan bawah pentadbiran bahagian yang berlainan merujuk kepada keperluan yang berbeza. Jadual 1 dapat ditunjukkan kedudukan kaunselor mengikut bahagian pentadbiran di Ibu Pejabat, institusi, tahap pelajar, bilangan institusi dan jumlah enrolmen pelajar semasa.

Jadual 1: Pengendalian Kaunselor di IPMa

<b>Pentadbiran Kaunselor di Ibu Pejabat</b>	<b>Institusi</b>	<b>Status Pelajar</b>	<b>Bilangan Institusi</b>	<b>Enrolmen Pelajar</b>
Bahagian Pendidikan Menengah (BPM)	MRSM	Tingkatan 1 -5	53	36,495
Bahagian Pendidikan Tinggi (BPT)	KM/ KPM	Diploma	10	6,811
	Subsidiari - UniKL/ KPTM/KUPTM/ GMI/UniMARA	Diploma/ Ijazah/ Sarjana /PhD	22	37,356
Bahagian Kemahiran & Teknikal (BKT)	IKM/KKTM/MJII	Sijil/Diploma	25	14,249

Sumber: Laporan Korporat Portal MARA - Data Enrolmen Semasa setakat Ogos 2020

Setiap bahagian mempunyai penyelaras kaunselor yang berbeza yang berperanan sebagai ketua kaunselor, pegawai perancangan strategik, pegawai pemantau dan penilai kepada kaunselor-kaunselor bawah kawal selianya. Kaunselor di MRSM dikawal selia oleh Bahagian Pendidikan Menengah (BPM), kaunselor di KM dan KPM akan dikawal selia oleh Bahagian Pendidikan Tinggi (BPT) dan kaunselor di KKTM, IKM dan MJII akan dikawal selia oleh Bahagian Kemahiran dan Teknikal (BKT). Namun begitu, terdapat perbezaan pegawai kaunselor di institusi pendidikan subsidiari MARA adalah lantikan organisasi institusi swasta maka tugas dan peranan bawah arahan

pentadbiran masing-masing. Peranan BPT hanyalah sebagai pemantau daripada segi dasar pendidikan sahaja.

### **Perkhidmatan Kaunseling di Bahagian Pendidikan Menengah**

Idea dan konsep pendidikan MRSM diutarakan oleh Encik Abdul Wahab Alwi yang diberi gelaran bapa MRSM. Kertas kerja yang dikenali sebagai *Batik Paper* direkabentuk oleh dua tenaga pengajar Universiti New York Bronx Amerika Syarikat. MRSM dikatakan sebagai institusi pendidikan Bumiputra yang mempunyai persekitaran persekolahan yang lebih baik bagi menghasilkan kumpulan pelajar yang lebih sihat, berkerjaya, kreatif dan bijaksana serta komited terhadap pembentukan Malaysia yang lebih cemerlang (Jamaluddin, 1972). Matlamat pendidikan MRSM berfokus kepada tiga perkara utama yang menjadi teras Kurikulum MRSM iaitu; i) Kecemerlangan akademik dalam bidang sains dan teknologi, ii) Pembentukan sahsiah yang terbaik dan iii) Pemupukan kecenderungan keusahawanan. Dua elemen penting bagi menjayakan matlamat tersebut ialah Unit Bimbingan dan Kaunseling Pelajar dan Keluarga Pelajar (Homeroom).

Kurikulum yang diaplikasikan di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dianggap sebagai pendekatan yang fleksible serta tidak terkongkong dengan tradisi serta birokrasi dikatakan dapat memenuhi keperluan tersebut (Ishak, 2001). Kaunselor MRSM mempunyai banyak kelebihan dalam kematangan kerjaya atas faktor pengalaman yang luas dalam usaha pembangunan pelajar. Malah setiap peranan yang dimainkan oleh kaunselor MRSM telah didasari dengan falsafah, nilai, objektif, pengukuran keberkesanan dan data perekodan tertentu yang standard. Terdapat 10 modul khas yang direkabentuk dan berstruktur diimplemenkan oleh kaunselor untuk pelajar iaitu Program Konsep Kendiri, Program Penyesuaian Diri, Program Perkembangan Kerjaya (KPD411), Program Komunikasi Interpersonal, Program Modul-Modul Siri Bimbingan Program Motivasi Jaya Diri, Program Latihan Pembimbing Rakan Sebaya (LRS 486), Program Jayadiri, Program Kesedaran Emosi (KPD 531) dan Program Perkembangan Sosial Remaja. Jadual 2 dapat ditunjukkan lapan tugas, peranan dan jenis perkhidmatan yang ditawarkan kaunselor kepada para pelajar bermula Tingkatan 1 hingga ke Tingkatan 5.

Jadual 2: Tugas, Peranan Kaunselor dan Perkhidmatan Ditawarkan

Tugas	Peranan Kaunselor	Perkhidmatan Berasaskan Modul
Perkembangan Personaliti	Membimbing pelajar ke arah personaliti sihat dan meningkatkan keyakinan perasaan harga diri.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Konsep Kendiri</li> <li>• Kemahiran Komunikasi</li> <li>• Motivasi</li> <li>• Perkembangan Tingkah Laku</li> <li>• Pencegahan Tingkah Laku</li> <li>• Pakar Runding</li> </ul>
Perkembangan Emosi	Membimbing pelajar ke arah matlamat peribadi yang sihat dan memperkuatkan keupayaannya untuk menghadapi hidup. Bimbingan menangani ketidakselesaian emosi diberi terutama melalui kaunseling individu dan kaunseling kelompok.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kaunseling Individu</li> <li>• Kaunseling Kelompok</li> <li>• Resolusi Konflik</li> <li>• Pengurusan Stress</li> <li>• Intervensi Krisis</li> </ul>
Perkembangan Kerjaya	Membimbing pelajar melahirkan sikap sihat terhadap dunia pekerjaan dengan menerokai isu seperti pencapaian akademik, konsep diri, nilai dan minat kerjaya.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kecenderungan Kerjaya KPD411</li> <li>• Ujian-Ujian Kerjaya</li> <li>• Lawatan</li> <li>• Edaran Maklumat</li> <li>• Ceramah</li> <li>• Peluang Belajar</li> </ul>
Perkembangan Pembelajaran	Guru Bimbingan bertanggungjawab menjaga kedudukan akademik pelajar dan menentukan supaya pelajar memperoleh pencapaian yang setaraf dengan keupayaan akademiknya.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemahiran Belajar (KAB)</li> <li>• Kemahiran Berfikir (KKB)</li> <li>• Pengurusan Masa</li> <li>• Motivasi Belajar</li> </ul>
Penyesuaian Diri	Guru Bimbingan boleh membimbing pelajar supaya dapat menyesuaikan diri dalam suasana yang berlainan seperti menyesuaikan diri dengan kehidupan di MRSM, sistem akademik di MRSM dan penyesuaian dengan dunia luas di luar.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program Penyesuaian Diri Pelajar Baru</li> <li>• Penyesuaian Sistem Akademik</li> <li>• Penyesuaian dunia luar</li> </ul>
Pentadbiran & Penyimpanan Rekod	Guru Bimbingan menyimpan rekod berkaitan dengan kliennya dan membantu tugas Hal Ehwal Pelajar.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rekod Konsep Kendiri Pelajar</li> <li>• Rekod Kerjaya</li> <li>• Rekod Kelas Subjek Khas</li> </ul>
Pelaksanaan Kajian	Guru Bimbingan menjalankan kaji selidik dan kajian supaya dapat membantu maktab dalam perancangannya.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ujian Psikologi</li> <li>• Masalah Pelajar</li> <li>• Keberkesanan Program</li> </ul>
Perhubungan dengan Agensi Luar	Guru Bimbingan membentuk perhubungan dengan ibu bapa / penjaga, guru, persatuan dan badan profesional, pihak ibu pejabat MARA dan MRSM lain untuk kebaikan dan perkembangan pelajar.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibu bapa</li> <li>• Persatuan /Badan Profesional</li> <li>• Ibu Pejabat</li> <li>• Pakar-pakar lain</li> <li>• Institusi IPMA lain</li> </ul>

MRSM merupakan sekolah berasrama penuh dengan kapastiti maksimum 25 orang pelajar bagi setiap kelas. Terdapat 4 jenis MRSM iaitu MRSM Premier, MRSM *Middle Years Programme* (MYP), MRSM *Cambridge International General Certificate of Secondary Education* (IGCSE), dan MRSM Ulul Albab. Setiap MRSM terdapat dua orang kaunselor yang memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dengan nisbah (1: 500) atau seorang kaunselor untuk 500 orang pelajar. Jadual 3, dapat ditunjukkan kurikulum MRSM mengikut jenis aliran dan bilangan kaunselor. Terdapat 2 orang pegawai penyelaras di Bahagian Pendidikan Menengah (BPM) dengan jawatan Ketua Penolong Pengarah bagi mengawal selia 106 orang kaunselor MRSM. BPM juga memiliki dua orang Kaunselor Cemerlang Gred 44 dan seorang Kaunselor Cemerlang Gred 48 bertaraf kaunselor pakar.

Jadual 3: Aliran Kurikulum MRSM dan Jumlah Kaunselor

Aliran MRSM	Kurikulum	Bilangan MRSM	Bilangan Kaunselor
Premier	Integrasi Kurikulum Kebangsaan dan kurikulum MARA dengan nilai tambah nilai keusahawanan dan kemahiran insaniah	28	56
<i>Middle Years Programme</i> (MYP)	Sistem Kurikulum MARA dan aplikasi Sistem Pendidikan <i>International Baccalaurate</i>	6	12
IGSE	Kurikulum MRRA dan kurikulum <i>Cambridge International General Certificate of Secondary Education</i> (IGCSE). Tawarkan dwi sijil SPM & IGCSEI SPM	13	26
Ulul Albab	Sistem Pendidikan MRSM dan Program Al Quran – Lahirkan Sains dan Tahfiz. Kurikulum khas Hafazan 30 Juzuk, menunggang kuda, memanah dan berenang.	5	10
Teknikal	Intergrasi Kurikulum MARA dan elemen teknikal (Sains Kejuruteraan: Robotik, Mekanikal, Elektrikal dan Elektronik	1	2
Jumlah		53	106

Sumber: Laporan Korporat Portal MARA - Data Enrolmen Semasa setakat Ogos 2020

## **Perkhidmatan Kaunseling di Bahagian Pengajian Tinggi**

Sejarah penubuhan KPM bermula sebagai Institut Perdagangan MARA (IPM) yang menawarkan Sijil Perdagangan pada Mei 1977. IPM berevolusi menjadi KPM dengan menawarkan Kursus Intensif Persediaan Diploma pada 1996 dan bertukar sebagai KPM. Sebelum ini IPM tidak mempunyai kaunselor kerana pelajar peringkat sijil dan tenaga pengajar bukan berijazah. Namun setelah dinaik taraf, semua institusi KPM telah menempatkan kaunselor pelajar sebagai salah satu perkhidmatan penting. Manakala sejarah KM pula bermula dengan MRSM yang telah dinaiktaraf sebagai Kolej MARA yang menawarkan Kursus Persediaan ke Luar Negara dan universiti terpilih dalam Negara bagi pelajar cemerlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Terdapat empat buah kolej yang mempunyai kaunselor sejak penubuhan sehingga kini iaitu Kolej MARA Seremban, Kolej MARA Banting, Kolej MARA Kulim dan Kolej MARA Kuala Nerang.

Bahagian Pengajian Tinggi (BPT) pada mulanya merupakan salah satu cawangan dalam BPLM yang menggabungkan institusi MRSM, KM dan KPM. Namun setelah bertambahnya bilangan institusi dan menyedari keperluan sebuah badan pengurusan kurikulum yang berbeza. MRSM mengawal selia sekolah menengah, manakala KPM serta KM mengawal selia program persediaan dan diploma selepas SPM, maka pada 2008 BPLM telah dipecahkan kepada dua bahagian iaitu BPM dan BPT. Bermula dari arahan berkenaan, kaunselor di BPT telah dikawal-selia oleh seorang pegawai berjawatan Ketua Penolong Pengarah (KPP) yang berasingan. Jumlah kaunselor bagi setiap institusi masih dikekalkan kepada 2 orang dengan nisbah 1:500 atau seorang kaunselor untuk 500 orang pelajar.

Jadual 4 dapat ditunjukkan terdapat 20 orang kaunselor bertugas di buah 10 insitusi KPM dan KM yang memberi perkhidmatan kepada seramai 6,811 orang pelajar. BPT juga mempunyai seorang Kaunselor Cemerlang dengan Gred GC 44 yang menawarkan perkhidmatan bertaraf pakar.




Jadual 4: Bilangan Institusi, Pengajian dan Bilangan Kaunselor

Institusi	Pengajian	Tempoh Pengajian	Bilangan Institusi	Bilangan Pelajar	Bilangan Kaunselor
Kolej MARA	Pengajian Diploma	3 tahun	4	1,642	8
Kolej Profesional MARA	Program Persediaan Luar Negara dan Program Persediaan Universiti Dalam Negara	1 tahun	6	5,169	12
Jumlah			10	6,811	20

Sumber: Laporan Korporat Portal MARA - Data Enrolmen Semasa setakat Ogos 2020

Unit Bimbingan dan Kaunseling di KM dan KPM merupakan satu unit sokongan di bawah Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar (HEP). Unit ini ditadbir oleh kaunselor yang terlatih dalam bidang kaunseling, bimbingan dan konsultasi psikologi dari universiti-universiti yang diiktiraf dalam dan luar negara. Semenjak diwujudkan pada tahun 1999, unit ini telah melalui pelbagai peningkatan termasuk prosedur operasi, tanda aras, kualiti, perkhidmatan dan sebagainya. Bersesuaian dengan perubahan yang berlaku, suatu panduan perkhidmatan diwujudkan bagi menyelaraskan peranan kaunselor serta operasi Unit Bimbingan dan Kaunseling di KM dan KPM seluruh negara.

**Rajah 1:** Tugas-Tugas dan Objektif Perkhidmatan Kaunselor KPM/KM



Berdasarkan Buku Panduan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling KM dan KPM yang diterbitkan pada 2016 peranan penting yang dimainkan Kaunselor adalah melaksanakan perkhidmatan kaunseling, Kursus Perkembangan Kerjaya, Kursus Kemahiran Berkomunikasi, Pembimbing Rakan Sebaya, Ujian Psikometrik, Kajian Psikologi, Pembelajaran, Program Motivasi/ Jati diri/ Kepimpinan, Program Penyesuaian Diri dan hal pentadbiran. Rajah 1 di atas dapat digariskan tujuh tugas utama dan lima objektif perkhidmatan kaunselor di KPM dan KM. Kepekaran kaunselor KM dan KPM ialah pengendalian Modul Anti Dadah dan memperoleh tauliah persijilan kaunseling kesihatan mental.

### **Perkhidmatan Kaunseling di Bahagian Kemahiran dan Teknikal (BKT)**

BKT bermula sebagai salah satu Cawangan di BPLM MARA pada tahun 1974. Pada awal penubuhan bahagian ini mengawal selia pentadbiran IKM Jasin (1969), IKM Petaling Jaya (1971), IKM Kuala Lumpur (1974) dan 11 IKM lain. Kaunselor tidak ditempatkan di IKM atas alasan program peringkat sijil dan tenaga pengajar gred J17 sehingga J36. Seinggalah penubuhan KKTM pertama menawarkan program peringkat diploma dengan menaik taraf IKM Petaling Jaya pada 1995. Pada ketika itu, profesion kaunselor tidak menjadi keperluan institusi teknikal seinggalah Kertas Kerja Permohonan Kaunselor diangkat kepada Jabatan Perkhidmatan Awam oleh MARA pada tahun 2004 dan penempatan 10 orang kaunselor pertama mengunapakai gred E 41 atas jawatan Pegawai Kaunselor di KKTM dan IKM pada tahun 2005.

Seorang Ketua Penolong Pengarah (KPP) bertanggungjawab untuk menyelaras program kaunseling di IKM/KKTM/MJII ditempatkan di BKT. Pada peringkat awal, seorang kaunselor ditempatkan di IKM/KKTM/MJII. Namun pada tahun 2013, wujud penambahan bilangan kepada dua kaunselor bagi satu institusi bergantung kepada jumlah enrolmen pelajar. Merujuk Jadual 5, terkini terdapat 32 orang kaunselor menawarkan perkhidmatan kaunseling di 25 buah institusi teknikal MARA dengan jumlah enrolmen pelajar seramai 14,249 orang.


Jadual 5: Bilangan Institusi, Pengajian dan Bilangan Kaunselor

Institusi	Pengajian	Tempoh Pengajian	Bilangan Institusi	Bilangan Pelajar	Bilangan Kaunselor
Institut Kemahiran MARA (IKM)	Program Sijil	3 tahun	14	7,819	18
Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm)	Program Diploma	3 tahun	10	5,893	12
Malaysian Japan International Institute (MJII)	Program Diploma	3 tahun	1	537	2
Jumlah			25	14,249	32

Sumber: Laporan Korporat Portal MARA - Data Enrolmen Semasa setakat Ogos 2020

Berdasarkan Buku Panduan Perkhidmatan Kaunseling dan Bimbingan Bahagian Kemahiran dan Teknikal yang diterbitkan pada 2015 menyatakan terdapat lima objektif utama perkhidmatan dan lapan peranan kaunselor. Merujuk Rajah 2, lapan peranan kaunselor ialah penyesuaian diri, perkembangan pembelajaran, perkembangan emosi, perkembangan personaliti, konsultasi, kajian, perhubungan dengan agensi luar dan pentadbiran dan penyimpanan rekod.

**Rajah 2: Peranan Kaunselor KKTm/IKM/MJII**



Kepakaran kaunselor IKM/KKTM/MJII mengendali program dan penilaian Kemahiran Insaniah serta pengurusan pengesanan pelajar lepasan teknikal atau dikenali program *tracer study*. IKM dan KKTM menjadi institusi pertama di MARA yang menyuntik elemen Kemahiran Insaniah merentas kurikulum dalam penilaian dan pentaksiran pelajar bermula pada tahun 2007. Terdapat tiga buah institusi yang telah mendapat pengiktirafan *Asia Pasific Accreditation* (APACC) melibatkan kualiti perkhidmatan kaunseling pelajar iaitu MJII, KKTM Kuantan dan KKTM Ledang.

### **Perkhidmatan Pendidikan di Institusi Subsidiari MARA**

Struktur perkhidmatan kaunseling di institusi pendidikan subidiari telah wujud bermula penubuhan institusi berkenaan. Disamping itu, perkhidmatan kaunseling pelajar turut disediakan di Institut Pendidikan MARA di Subsidiari MARA seperti Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Kolej Universiti Poly-Tech MARA (KUPTM/KPTM) dan German Malaysia Institute (GMI). Antara perkhidmatan yang ditawarkan adalah kaunseling individu, ujian psikometrik, program psiko-sosial dan kesejahteraan mental, program kerjaya, program pencegahan, perkembangan dan pemulihan serta data alumni. Kaunselor di bawah subsidiari MARA turut bekerjasama dengan PEKAMARA dalam pelaksanaan aktiviti kaunseling dan program khidmat masyarakat.

Berdasarkan Jadual 6, dapat ditunjukkan terdapat 33 orang kaunselor yang bertugas di 22 buah IPMA Subsidiari MARA. Penawaran jawatan kaunselor di bawah skim gred E1 iaitu Kaunselor Eksekutif, E2 iaitu Kaunselor Senior dan E3 iaitu Penolong Pengurus. Amalan di subsidiari, kaunselor merupakan skim khidmat pengurusan dengan gelaran jawatan sebagai Penolong Pendaftar (Bimbingan dan Kaunseling). Kaunselor bertugas di Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan diletakan di Bahagian Kaunseling dan Alumni. Secara keseluruhan, didapati wujud ketidakseimbangan nisbah kaunselor berbanding dengan pelajar. Nisbah kaunselor berbanding pelajar bagi UniKL ialah 1:1,711, KUPTM/KKTM ialah 1:903 dan GMI ialah 1:179.

Jadual 6: Bilangan kaunselor yang ditempatkan di IPMA subsidiari MARA.

Institusi	Bilangan Kampus	Bilangan Kaunselor
UNIKL	12	12
KUPTM/ KPTM	9	18
GMI	1	3
JUMLAH	22	33

Data Sehingga Oktober 2020.

## PERKHIDMATAN KAUNSELING KERJAYA & KOMUNITI

MARA mempunyai pelbagai agenda dalam memajukan golongan Bumiputra melalui program-program yang dianjurkan. Mempromosikan peranan agensi dengan meluas merupakan tanggungjawab Bahagian Komunikasi Korporat MARA (BKOM). Pada Mei 2010, ditempatkan seorang kaunselor yang bertugas memberikan perkhidmatan kaunseling laluan kerjaya bawah Unit Perhubungan Korporat. Unit tersebut kemudian dianggotai oleh tiga orang kaunselor pada 2012 sehingga 2015. Tugas kaunselor ialah merekabentuk laluan kerjaya dan mempromosikan IPMA melalui karnival dan pameran kerjaya di seluruh Malaysia. Namun begitu, pada tahun 2017, peranan promosi IPMA telah menjadi tanggungjawab kaunselor pelajar di IPMA masing-masing atas kekangan pos perjawatan. Maka jumlah kaunselor yang bertugas di BKOM hanyalah seorang sahaja.

Walaupun jumlah kaunselor di BKOM dikecilkan menjadi seorang sahaja pegawai kaunselor, namun fungsi kaunselor di bahagian tersebut telah berkembang sebagai agen pelaksana Unit Peningkatan Bakat dan Komuniti BKOM. Di samping promosi laluan kerjaya kepada lepasan pelajar institusi pendidikan arus perdana, tugas lain ialah pelaksanaan program *Corporate Social Responsibility* (CSR) MARA. Unit ini bekerjasama dengan Pegawai Seranta Negeri (STO) di Pejabat MARA Negeri (PMN) dan kaunselor IPMA. Semua STO ini diberikan latihan asas kaunseling kerjaya bagi membantu melaksanakan program kerjaya dan konsultasi kepada komuniti setempat. Antara peranan Unit Pembangunan Bakat dan Kerjaya seperti berikut;

- i. Melaksanakan program dan aktiviti promosi program pendidikan MARA kepada masyarakat luar bandar di seluruh negara dengan menyediakan maklumat berhubung peluang pendidikan dan kerjaya kepada pelajar menengah dan institusi pendidikan tinggi
- ii. Melaksanakan bimbingan dan rundingcara kerjaya menggunakan alat Ujian e-Potensi MARA dan Ujian Personaliti yang bersesuaian.
- iii. Melaksanakan program pembangunan komuniti khususnya di luar bandar bagi menaiktaraf pendidikan pelajar-pelajar bumiputera.
- iv. Melaksanakan program latihan kerjaya kepada Pegawai Latihan Negeri (STO).

## **PERKHIDMATAN KAUNSELING UNTUK STAF MARA**

Sejarah perkhidmatan kaunseling untuk staf bermula dengan tertubuhnya satu Unit Kaunseling Bahagian Sumber Manusia (BSM) yang diinisiatif oleh Tuan Haji Ramli Muhamad Pegawai MARA pada tahun 2004. Amalan sebelum ini, permasalahan staf dikendalikan oleh pentadbiran pusat MARA masing-masing. Sebahagiannya dirujuk kepada kaunselor pelajar yang terdapat di institusi. Namun tiada, prosedur jelas terhadap tanggungjawab kaunselor pelajar memberikan khidmat kaunseling kepada staf. Menyedari keperluan profesion kaunselor di BSM sebagai salah satu perkhidmatan kebajikan kepada staf MARA yang memerlukan, seorang kaunselor gred E41 pada 5 Julai 2004 telah ditempatkan dalam Cawangan Perhubungan Staf. Unit ini bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan kaunseling kepada staf di Ibu Pejabat dan pusat-pusat MARA luar di seluruh negara.

Pada tahun 2007, Unit Kaunseling BSM ini telah menerima seorang kaunselor dengan gred DG41. Anggota unit ini ditambah keanggotaan seorang Pegawai Syariah dengan gred DG44 bagi membantu melaksanakan aktiviti aplikasi psikologi berorientasikan kerohanian pada tahun 2013. Kefungsian Unit Kaunseling dibantu oleh seorang pegawai kumpulan sokongan gred N19 bagi membantu kerja-kerja kekeranian. Berpanduan Pekeliling Perkhidmatan bertarikh 29 Januari 2007, digariskan tiga tugas

utama kaunselor BSM iaitu program kaunseling, program psikologi dan Program Psikologi Klinikal. Jadual 7 di bawah dapat ditunjukkan perbandingan senarai tugas kaunselor dan peranan Unit Kaunseling BSM. Dalam tempoh sedekad bilangan tugas kaunselor BSM bertambah daripada enam kepada 14 tugas dengan anggaran kumpulan sasaran 11,200 orang staf MARA menggunakan sumber tenaga sedia ada.

Jadual 7: Perbandingan Senarai Tugas Kaunselor BSM antara 2007 dan 2017

Senarai Tugas Unit 2007	Senarai Tugas Unit 2017
<b>Program Kaunseling</b>	<b>Program Kaunseling</b>
<input type="checkbox"/> Kaunseling individu <input type="checkbox"/> Kelompok <input type="checkbox"/> Konsultasi	<input type="checkbox"/> Kaunseling individu <input type="checkbox"/> Kaunseling Kelompok <input type="checkbox"/> Konsultasi
<b>Program Psikologi</b>	<b>Program Psikologi</b>
<input type="checkbox"/> Program Pembangunan Modal Insan	<input type="checkbox"/> Program Pembangunan Modal Insan <input type="checkbox"/> Program Pembangunan Kerohanian <input type="checkbox"/> AKRAB <input type="checkbox"/> Pementoran <input type="checkbox"/> Tempoh Pemerhatian Dasar Pemisah <input type="checkbox"/> Program Intervensi Keterhutangan Staf
<b>Program Psikologi Klinikal</b>	<b>Program Psikologi Klinikal</b>
<input type="checkbox"/> Ujian psikologi/Instrumen <input type="checkbox"/> Diagnosis klien	<input type="checkbox"/> Ujian psikologi/Instrumen <input type="checkbox"/> Diagnosis klien <input type="checkbox"/> Pembangunan Psikometrik MARA <input type="checkbox"/> Penyeliaan Klinikal Kaunselor MARA <input type="checkbox"/> Penyelidikan

Unit Kaunseling BSM juga berperanan sebagai urusetia bagi mesyuarat KPP di Ibu Pejabat melibatkan KPP BPM, KPP BKT, KPP BPT dan PP BKOM. Mesyuarat ini penting bagi penyelarasan program kaunseling dan pembangunan kaunselor MARA dilaksanakan secara sinergi seperti aktiviti penyeliaan klinikal, program *up-skilling* dan pendaftaran lesen kaunselor. Bagi memperkukuh kualiti dan profesionalisme Kaunseling, MARA telah memeterai perjanjian persefahaman (MOU) dengan Lembaga Kaunselor pada tahun 2016 di German Malaysia Institute (GMI).

Unit Kaunseling BSM menjalankan tugas sesuai dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan MARA 23/ 2005: Panduan Aplikasi Psikologi Dalam Pengurusan Sumber Manusia MARA. Antara fungsinya adalah seperti berikut;

- i. Penilaian Personel untuk mengetahui potensi dan kompetensi kakitangan MARA seperti Pengurusan dan pentadbiran ujian psikologi, Penyimpanan laporan ujian psikologi dan Penyediaan log ujian psikologi
- ii. Pembangunan Personel bagi membangunkan potensi kakitangan MARA melalui pelaksanaan program-program yang bersesuaian dengan keperluan semasa menerusi pendekatan Pencegahan, Pembangunan dan Pemulihan.
- iii. Penyelidikan Psikologi bagi meningkatkan kesejahteraan dalam kalangan kakitangan MARA dengan melaksanakan kajian atau membangunkan instrumen
- iv. Melaksanakan program intervensi merangkumi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, memantau aktiviti bimbingan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB), program Pengupayaan Kendiri, intervensi Dasar Pemisah (*Exit Policy*) dan literasi kewangan.

Antara kepakaran kaunselor BSM ialah dalam mengendalikan kaunseling kewangan. Unit Kaunseling BSM telah menyelaras lebih 40 orang kaunselor dan ahli AKRAB MARA yang mendapat tauliah daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) melaksanakan kaunseling kewangan dan bimbingan kepada staf MARA di seluruh negara. Kerjasama strategik ini diperkukuhkan melalui perjanjian persefahaman (MOU) antara MARA dan AKPK yang dimeterai pada 2019 di Ibu Pejabat MARA. Pelan strategik jangka panjang 2015-2020 yang dilaksanakan oleh Unit Kaunseling BSM bagi menangani isu keterhutangan staf telah memperoleh Anugerah Kolaborasi Sektor Swasta Terbaik daripada AKPK dan Bank Negara pada 2019.



## PEKAMARA

Pada tanggal 27 Februari 2006, dalam satu seminar yang dihadiri oleh 56 orang kaunselor pelbagai IPMA di Pearl International Kuala Lumpur, satu lontaran idea diutarakan oleh Tuan Haji Ramli Muhamad untuk menubuhkan persatuan. Beliau ketika itu merupakan Timbalan Pengarah Cawangan Perhubungan Staf BSM. Objektif penubuhan persatuan ialah sebagai induk penyatuan semua kaunselor. Di samping memperkasa perkhidmatan dan profesion kaunseling dan psikologi serta keberkesanan fungsi dalam agensi, kementerian dan peringkat kebangsaan. Seterusnya, idea itu direalisasikan dengan Pelantikan Jawatankuasa Proteam dalam Mesyuarat yang dihadiri seramai 121 orang kanselor daripada pelbagai IPMA di Institut Latihan Kepimpinan MARA (ILKM) di Jawi, Pulau Pinang.

Mesyuarat berkenaan turut membincangkan resolusi, hala tuju dan pelan strategik penubuhan. Pelantikan Jawatankuasa *Proteam* dilaksanakan bagi meneruskan kesinambungan usaha penubuhan secara rasmi dan berdaftar. Penubuhan persatuan kaunselor MARA turut mendapat dokongan yang kuat daripada Ketua Pengarah MARA ketika itu, iaitu YBhg. Datuk Ibrahim Ahmad. Akhirnya, Persatuan Kaunseling dan Psikologi MARA Malaysia (PEKAMARA) berjaya didaftarkan secara rasmi dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS) pada 4 Oktober 2009.

Sejarah kronologi penubuhan PEKAMARA yang bermula dengan keanggotaan seramai 121 orang kaunselor pada 2009 dan terkini meningkat kepada 166 orang kaunselor pada tahun 2020. Keahlian PEKAMARA meliputi empat jenis iaitu i) Ahli biasa terbuka terbuka kepada semua anggota kerja MARA yang mempunyai latar belakang kaunseling dan psikologi, ii) Ahli Seumur Hidup iaitu ahli biasa yang telah menjadi ahli lebih dari 3 tahun dan memohon menjadi ahli seumur hidup, iii) Ahli Bersekutu iaitu anggota kerja MARA yang telah bersara dan mempunyai latar belakang kaunseling dan psikologi dan iv) Ahli Kehormat iaitu keahlian diberikan kepada individu yang memberi sumbangan dan manfaat kepada persatuan.

PEKAMARA merupakan salah satu daripada 10 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) MARA yang dianggotai oleh profesional memainkan fungsi penting dalam agensi. Pada tahun 2016, PEKAMARA dengan sokongan BSM telah menganjurkan program berimpak tinggi iaitu Asean Psychology Counselling Conference (APCC) pertama dan kini menjadi acara wajib bagi setiap dua tahun. Antara program tahunan anjuran PEKAMARA yang berskala besar ialah Sambutan Bulan Kaunseling, Anugerah Kaunselor Terbaik dan program CSR. Di samping itu, PEKAMARA turut aktif menerbitkan prosiding, buku, artikel dan menghasilkan produk kerjaya. PEKAMARA juga telah berjaya memperoleh Sijil Perakuan Pendaftaran Pembekal Latihan daripada Lembaga Kaunselor bermula tahun 2018 sehingga kini. Dalam memperkukuh profesion kaunseling, PEKAMARA menjalinkan kerjasama strategik dengan Persatuan Kaunseling MARA Antarabangsa (PERKAMA International) melalui Perjanjian Persefahaman (MOU) yang dimeterai pada tahun 2015 di Hotel Ancasa, Kuala Lumpur.

## **HALATUJU DAN MASA DEPAN PERKHIDMATAN KAUNSELING DI MARA**

Perkhidmatan kaunseling telah memberikan impak yang signifikan terhadap pembangunan potensi pelajar dan staf. Di samping itu, kaunselor MARA juga berjaya menyumbang bakti kepada komuniti melalui pelbagai program yang dilaksanakan secara bersepadu. Tempoh yang panjang selama hampir 30 tahun usia profesion kaunselor di MARA telah mencetuskan pelbagai impak positif terhadap kerjaya, pembentukan imej dan produk hasil kerja kaunselor. Perbincangan seterusnya ialah topik halatuju dan masa depan profesion kaunselor di MARA. Agensi perlu proaktif bagi melakukan penambahbaikan berterusan agar kewujudan kaunselor terus relevan pada masa akan datang. Beberapa saranan berkaitan dengan halatuju dan masa depan kaunseling perlu ditambah baik.

### **Struktur Pentadbiran Kaunselor**

MARA tidak mempunyai struktur pentadbiran kaunselor yang jelas. Struktur perjawatan kaunselor mewarisi sistem tradisional konservatif. Pentadbiran dan kawal selia kaunselor

terbahagi kepada tiga bahagian yang utama iaitu BPM, BPT dan BKT. BPM menyelia seramai 106 orang kaunselor MRSM, BPT menyelia 20 orang kaunselor KM dan KPM dan BKT pula menyelia 32 orang kaunselor KKTM, IKM dan MJII. Setiap bahagian mempunyai skop kerja kaunselor, peranan, fungsi, pemantauan klinikal dan penilaian yang berbeza. Manakala kaunselor staf di pentadbiran BSM dan kaunselor kerjaya di BKOM juga tertakluk kepada keperluan bahagian masing-masing. Jawatan hakiki tertinggi bagi penyeliaan kaunselor bagi semua bahagian ialah Ketua Penolong Pengarah dengan gred DG44.

MARA juga tidak mempunyai struktur unit kaunseling staf yang berdiri sendiri. Unit kaunseling sedia ada berdiri atas nama Unit Kaunseling dan Tatatertib MARA merupakan salah satu unit dalam Cawangan Perhubungan Staf di BSM. Unit berkenaan dikawal selia oleh jawatan hakiki tertinggi Ketua Penolong Pengarah gred DG44 atas kapasiti Pegawai Syariah. Pegawai kaunselor di Unit Kaunseling BSM tiada sebarang kuasa dan akses kepada kaunselor pelajar yang dikawal selia oleh tiga bahagian lain BPM, BPT dan BKT kecuali hanya melibatkan hal-hal kerjasama atau melalui PEKAMARA. Menjadi harapan warga kaunseling MARA untuk melihat tertubuhnya sebuah entiti yang menghimpunkan semua perkhidmatan kaunseling MARA di bawah satu bumbung bagi melancarkan perkhidmatan dan pengurusan program kaunseling kepada warga MARA khususnya dan masyarakat amnya.

### **Kepelbagaian Skim**

Profesion kaunselor MARA telah mengunapakai perjawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah iaitu gred DG dan Pegawai Ehwat Ekonomi iaitu gred E. Anggaran 90 peratus kaunselor MARA mengunapakai pos DG bermula gred 41. Terdapat dua kelebihan iaitu pertama kaunselor boleh naik pangkat secara *time based* sehingga bersara maksimum DG54 dan kedua kaunselor berupaya mengekalkan kepakaran tanpa perlu menukar pos lain. Tambahan pula, sistem pendidikan di MARA mengutamakan kepakaran bidang. Kekurangannya pula ialah terdapat kaunselor yang menghadapi kurang motivasi berada dalam bidang dan jawatan yang sama bagi tempoh yang lama.

Namun begitu, berlaku dilema kepada sebahagian kaunselor gred E. Pegawai boleh kekal dalam pos kaunselor sehingga gred E44. Sekiranya kaunselor ingin meningkatkan prestasi kerjaya kepada gred E48, kaunselor perlu mengorbankan bidang kaunseling untuk menceburi bidang pengurusan dan pentadbiran. Dilema kedua kaunselor gred E tidak diberi keutamaan untuk mengisi kekosongan di IPMA lain terutamanya MRSM kerana tidak memiliki Diploma Pendidikan. Dilema ketiga ialah kaunselor gred E berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Psikologi tidak cukup syarat untuk mendapatkan lesen dan perakuan amalan daripada Lembaga Kaunselor kecuali meningkatkan kelayakan akademik. Manakala kaunselor untuk staf di BSM menggunakan skim gred DG yang sepatutnya menggunakan gred S. Justeru, MARA memerlukan kaunselor senior berpengalaman bagi proses adaptasi serta koordinasi kemahiran mengendalikan organisasi dan staf berbanding kebiasaan mengendalikan pelajar.

Secara keseluruhan dapat dirumuskan laluan kerjaya kaunselor MARA secara normalnya terdapat tiga pilihan. Pertama mengekalkan kerjaya sebagai kaunselor dan naik pangkat secara *time-based* sehingga bersara. Kedua jika kaunselor berminat untuk menceburi bidang pengurusan dan pentadbiran, mereka boleh memohon jawatan hakiki Ketua Jabatan, Timbalan Pengetua atau Pengetua. Pilihan ketiga ialah memilih untuk menjadi Kaunselor Cemerlang dengan gred GC namun peluang adalah terhad.

### **Penetapan Nisbah Kaunselor**

Perjawatan staf MARA tertakluk kepada penetapan JPA. Bilangan kaunselor pelajar di MARA juga adalah kecil jika dibandingkan dengan organisasi besar seperti kaunselor Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). MARA mempunyai agenda Bumiputra yang berbeza contohnya sistem kurikulum MRSM memberi had maksimum kelas seramai 25 orang pelajar sahaja. Namun begitu, MARA tiada kuasa bagi menetapkan nisbah bilangan kaunselor per bilangan pelajar. Nisbah kaunselor IPMA mematuhi nisbah yang ditetapkan oleh KPM iaitu 1:500 atau seorang kaunselor bagi 500 orang pelajar. Berdasarkan data terkini, bilangan kaunselor berbanding enrolmen pelajar didapati

nisbah kaunselor BPM ialah 1:344, nisbah kaunselor BPT 1:340 dan nisbah kaunselor BKT ialah 1:445.

Manakala bilangan kaunselor organisasi di BSM MARA juga terlalu kecil jika dibandingkan dengan kaunselor gunasama di JPA. Nisbah kaunselor bebanding jumlah staf bagi MARA ialah 1:5,600 atau seorang kaunselor untuk 5,600 orang staf. Kajian Morbiditi Kebangsaan dan WHO mendapati jumlah kaunselor yang mencukupi boleh membantu melahirkan staf organisasi yang mempunyai kesejahteraan mental yang lebih baik. Memenuhi tuntutan keperluan semasa, Unit Kaunseling BSM bertindak proaktif bagi mengatasi masalah sumber tenaga dengan mewujudkan Panel Kaunselor yang terdiri daripada kaunselor pelajar senior sedia ada. MARA melantik panel ini secara formal mengikut zon iaitu Zon Utara, Zon Selatan, Zon Timur dan Zon Borneo. Unit juga mengaktifkan lebih 80 orang ahli AKRAB di seluruh Malaysia untuk berfungsi sebagai co-kaunselor. Ahli AKRAB telah diberikan kursus AKRAB CARE dan sebahagiannya mempunyai tauliah daripada AKPK sebagai *Coach* Pengurusan Kewangan peribadi.

### **Sumbangan Kaunselor Melangkaui Sempadan**

MARA bertanggungjawab terhadap hala tuju modal insan negara. Kaunselor MARA juga mempunyai harapan yang sama untuk berkhidmat melepasi sempadan agensi. Peranan kanselor MARA melalui NGO PEKAMARA boleh dimanfaatkan kepada komuniti setempat. Permintaan yang tinggi terhadap kaunseling pendidikan pengurusan kewangan, kaunseling usahawan dan kaunseling kesihatan mental sangat tinggi daripada komuniti. Peranan kaunseling kerjaya melalui STO boleh diperkasakan dari aspek ilmu, kemahiran mahupun perjawatan agar masyarakat luar bandar boleh memperolehi akses perkhidmatan kaunseling yang lebih berkesan.

**Perkhidmatan kaunseling kepada pelajar tajaan MARA yang sedang berada di luar negara juga boleh diperkasakan.** Hal ini kerana setakat hari ini tiada agensi kerajaan yang mengambil inisiatif untuk menjaga kebajikan psikologi pelajar Malaysia yang sedang melanjutkan pengajian diluar negara. Perkhidmatan kaunseling penting bagi proses

adaptasi silang budaya yang dialami oleh pelajar Malaysia ke luar negara. Isu pelajar gagal menamatkan pengajian, isu kesejahteraan emosi dan lain-lain jelas memerlukan perkhidmatan sokongan psikologi.

### **Profesionalisme Kaunselor**

Profesion kaunselor bersifat dinamik. Ilmu pengetahuan dan kemahiran berkembang seiring dengan kepesatan sains dan teknologi. Kaedah, teknik dan pendekatan kaunseling perlu sentiasa ditambah baik. Justeru, kaunselor MARA perlu bergerak pantas mencari identiti yang menjurus kepada kepakaran masing-masing. MARA merupakan agensi pendidikan yang membuka peluang pendidikan dan penajaan pendidikan. Antara usaha yang dilakukan dengan menggalakkan kaunselor untuk menyambung pengajian di peringkat doktor falsafah dan sarjana dalam bidang kaunseling. Kaunselor juga sentiasa diberi pendedahan dan kursus kepakaran yang ditauliahkan oleh insititsui yang berautoriti dalam dan luar negara.

MARA juga memastikan perkhidmatan kaunseling dilaksanakan secara profesional dan beretika. Untuk itu, MARA memastikan semua kaunselor mempunyai lesen kaunselor berdaftar dan memperbaharui perakuan amalan. Usaha pembelajaran secara berterusan (CPD) juga diberi perhatian dan galakan. Program penyeliaan juga dilaksanakan secara berkala bagi memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan kaunseling dapat dipertingkatkan. MARA mempunyai kumpulan penyelia yang bertauliah dan memperoleh akreditasi dari Lembaga Kaunselor. Program mentoring kaunselor novis juga dilaksanakan bagi memantapkan kompetensi dan kualiti personel.

## RUMUSAN

MARA telah menjadi perintis kepada pewujudan profesion kaunselor dalam bidang pendidikan seawal tahun 70-an. MARA juga telah mempelopori kerjaya kaunselor pelajar sepenuh masa seawal tahun 80-an dalam institusi MRSM. Selama tempoh tersebut agensi menggunakan formula dan acuannya sendiri dalam menghasilkan kualiti kaunselor yang diingini. Justeru, bersandarkan ilmu, kemahiran dan pengalaman yang dimiliki telah memantapkan kaunselor MARA untuk meneroka bidang lebih luas melangkaui melepasi sempadan agensi. Sehingga kini, sumbangan kaunselor MARA telah meraikan lebih sejuta graduan lepasan MRSM dan IPMa menjadi modal insan negara.

## RUJUKAN

- Artikel Am MARA. 1994, "*Penganjuran Pendidikan dan Latihan*" Kuala Lumpur: Unit Koporat MARA.
- Hashim, Rabaee BT. MD. 1985 The school guidance services in Malaysia, Durham theses, Durham University. Available at Durham E-Theses Online: <http://etheses.dur.ac.uk/7472/>
- Ishak Haron. 2001. Prestasi pelajar Melayu / Bumiputera di peringkat Sekolah Rendah, Menengah dan Institusi Pendidikan Tinggi: *Kongress Pendidikan Melayu*. PWTC.
- Jamaluddin Abdul Hamid. 1972. The Homeroom Programme the Original Concept: *Kertas Kerja*: MARA.
- Majlis Amanah Rakyat, "*Penganjuran Pendidikan dan Latihan*" MARA, Kuala Lumpur, 1990 Halaman 6.
- Muhd Zulhilmi Haron et. al. 2020. School'S Facilities and Achievement of Students in Ulul Albab Model Tahfiz Schools In Malaysia: A Mediating Roles of Satisfaction *International Journal Of Scientific & Technology Research* Volume 9, Issue 02, (P 3026 – 3030)
- Panduan Kaunselor Unit Bimbingan dan Kaunseling MRSM, Bahagian Pendidikan Menengah. 2017
- Panduan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Kolej MARA dan Kolej Profesional, Bahagian Pendidikan Tinggi MARA. 2015

- Panduan Perkhidmatan Kaunseling dan Bimbingan, Bahagian Kemahiran dan Teknikal. 2016
- Surat Edaran Bahagian Sumber Manusia: Pelaksanaan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB MARA) Bertarikh 8 Mac 2018
- Surat Edaran Bahagian Sumber Manusia: Peranan Dan Tugas Kaunselor / Guru Bimbingan Di Institusi Pendidikan MARA Bertarikh 5 Januari 2016
- Surat Pekeliling Perkhidmatan MARA Bil 23/2005: Panduan Aplikasi Psikologi Dalam Pengurusan Sumber Manusia MARA. 3 Oktober 2005
- Zarina Begum Abdul Kadir. 2013. The Role of MARA (The Council of Trust for Indigenous Peoples) in Enforcing Affirmative Action in Malaysia. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies MCSER Publishing, Rome-Italy Vol. 2 No 11*
- Zarina Begum Abdul Kadir. 2017. *Perkembangan Institusi Pendidikan Di Bawah Majlis Amanah Rakyat, 1966-2006*. Tesis Ijazah Falsafah Kedoktoran. Universiti Malaya, Kuala Lumpur